

# BAB ENAM

## PENTADBIRAN KEWANGAN

### GUNSEIKANBU DI NEGERI JOHOR

#### 1942 - 1945

## 6.0 Pendahuluan

Ekonomi Johor yang dipegaruhi kuat oleh keadaan pasaran sebelum ini tidak lagi berlaku di zaman ini. Ini disebabkan meletusnya Perang Dunia Kedua. Corak pentadbiran kewangan yang mengharapkan punca pendapatan daripada kastam dan lain-lain sumber pendapatan tidak dapat dilaksanakan lagi. Lanjutan daripada itu corak perbelanjaan yang memberikan perhatian utama kepada gaji kakitangan, pencen dan kos pentadbiran, kerja raya, utiliti dan perkhidmatan sosial juga tidak dapat dipraktikkan. Pentadbiran *Gunseikanbu* dengan kosongnya peti wang tunai, tiadanya deposit tetap dan portfolio pelaburan kewangan terpaksa mentadbir negeri Johor dengan caranya yang tersendiri.


Pada 10 Disember 1941, "*Prince of Wales*" dan "*Repulse*" yang dikatakan *Unsinkable* telah ditenggelamkan.<sup>1</sup> Kemusnahan dua buah kapal perang ini secara tidak langsung menjatuhkan moral pejuang-pejuang British. Dalam usaha menghalang penaklukan Jepun ke atas

Tanah Melayu, kerajaan British telah memusnahkan kemudahan-kemudahan asas seperti jalan raya, jambatan dan landasan keretapi.<sup>2</sup>

Johor telah dijadikan benteng terakhir untuk menghalang penaklukan Jepun ke atas Singapura.<sup>3</sup> Sungguhpun, British telah "berkorban" dengan memusnahkan kemudahan asas yang dibangunkan semenjak tiga dekad yang lalu, namun mereka tetap gagal menghalang kemaraan tentera Jepun. Seperti yang dapat dilihat dalam Peta 6.1, tentera Jepun telah berjaya menakluki bandar-bandar utama di Johor, iaitu Gemas (16hb Januari), Labis (21hb Januari), Mersing (22hb Januari), Yong Peng (24hb Januari), Batu Pahat (25hb Januari), Kluang (26hb Januari), Pontian (29hb Januari) dan akhirnya Johor Bahru (31hb Januari 1942).<sup>4</sup>

Penaklukan tentera Jepun ke atas Johor sekali gus pada dasarnya telah menakluki sumber daya yang mewah dan penting kepada pembangunan industri seperti getah, kelapa sawit dan boksit.<sup>5</sup> Bagaimanapun oleh kerana sektor pasaran eksport komoditi utama telah lumpuh berikutan ketidakstabilan keselamatan di kawasan perairan, menyebabkan tentera Jepun tidak dapat memunafaatkan sumber daya tersebut. Walaupun terdapat usaha pentadbiran Jepun di Johor untuk menghantar pulang komoditi utama ke negara mereka tetapi usaha

**Peta 6.1. Proses Penaklukan Tentera Jepun di Negeri Johor**



Sumber: Wan Hashim Wan Teh, **Perang Dunia Kedua, Peranan Askar Melayu**, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kementerian Pendidikan Malaysia, Kuala Lumpur, 1993, hal: 12.

mereka tidak berjalan seperti yang mereka hajatkan. Ini kerana Jepun tidak dapat mempertahankan keselamatan jalan laut. Selain daripada itu, Jepun tidak dapat menyediakan bilangan kapal yang mencukupi bagi melaksanakan tugas tersebut. Ini memberi impak yang serius terhadap ekonomi Johor yang bergantung kuat kepada perdagangan.

Selain daripada itu, masalah besar yang dihadapi adalah kekurangan barang import, terutama sekali barang makanan dan barang kegunaan harian. Fenomena ini memberi kesan yang buruk terhadap penduduk tempatan di Johor.

Bagi sektor eksport pula, Jepun tidak dapat mempergunakan hasil komoditinya akibatnya daripada kehancuran sistem perdagangan walaupun pemodal Jepun telah mengambil alih estet yang sebelum ini dimiliki oleh pemodal Eropah 敵產 [*Tekisan*] (*Enemy Custodian Property*).<sup>6</sup> Oleh itu, mereka terpaksa memberhentikan aktiviti penghasilan komoditi-komoditi seperti getah dan galian dan lebih menumpukan perhatian terhadap penghasilan tanaman makanan untuk mempertahankan kehidupan seharian.

Kemerosotan ekonomi Johor juga telah memberi kesan terhadap imigran Asia yang bergantung kepada sistem ekonomi sebagai

sumber pendapatan. Ekoran daripada penjajahan Jepun, kontrak ke atas golongan buruh yang dilaksanakan selama ini telah terbatal. Para imigran terpaksa mencari jalan sendiri untuk menuruskan kehidupan mereka. Majoriti daripada mereka telah berpindah ke kawasan luar bandar dan mengamalkan sistem ekonomi sara diri.

Memandangkan kemerosotan ekonomi ini, pihak Jepun terpaksa mengkaji semula polisi kewangan yang diamalkan oleh pihak British sebelum perang. Dalam sektor pendapatan, mereka menghadapi masalah kekurangan sumber pendapatan utama seperti duti kastam dan eksais ekoran daripada kemerosotan sistem perdagangan dan ketidakwujudan sistem pentadbiran yang mahir. Bagi mengatasi masalah ini, pihak Jepun telah memperkenalkan beberapa cukai baru seperti cukai hiburan. Selain daripada itu oleh kerana persoalan mengenai makanan amat kritikal, Pentadbiran *Gunseikanbu* telah menggunakan kuasa ketenteraannya membeli daripada pengeluar tempatan hasil tanaman secara separuh paksa dengan harga yang rendah. Kemudiannya bahan makanan tersebut dijualkan semula kepada penduduk negeri Johor dengan harga yang tinggi. Ini dapat dilihat nanti dari data komposisi pendapatan negeri, di mana lebih daripada 50% daripada pendapatan negeri datangnya hasil penjualan bahan makanan.

Dalam keadaan yang begitu susah, pihak Pentadbiran Jepun berusaha menghadkan perbelanjaan. Peruntukan perbelanjaan ini tidak lagi digunakan untuk menggalakkan perkembangan pelaburan modal dalam negeri tetapi lebih ditumpukan kepada usaha untuk meningkatkan bekalan makanan, kebajikan sosial dan keselamatan dalam negeri.

Dalam sektor pengurusan kewangan, lebihan kewangan tidak dapat digunakan oleh pihak tentera Jepun kerana lebihan tersebut telah dihantar pulang ke Britain sebelum Jepun dapat menawan Tanah Melayu. Oleh itu, pemulihan ekonomi Johor merupakan satu tanggungjawab berat yang terpaksa dipikul oleh pihak Pentadbiran Jepun. Bagi menyelesaikan masalah ini, pihak tentera Jepun telah menu buhkan sistem bank pada tahun 1943 yang dikenali sebagai 人民銀行 [*Jin-min Ginko*] (Bank Rakyat) dan 南洋開發銀行 [*Nanyo Kaihatu Ginko*] (*Southern Region Development Bank*).

Penubuhan bank di atas bertujuan untuk meningkatkan stok kewangan dan mengawal inflasi. Walau bagaimanapun, sistem baru ini gagal untuk memulihkan keadaan ekonomi Johor, kerana tentera Jepun tidak berjaya mengawal bekalan wang dalam negeri, iaitu matawang baru yang dinamakan 軍票 [*Gunpyo*] (Matawang Tentera Jepun). Pengagihan *Gunpyo* yang banyak menyebabkan berlakunya kadar inflasi yang tinggi.

## 6.1 Pasaran

Apabila perang meletus di rantau Asia Tenggara, tumpuan utama yang diberikan oleh tentera Jepun adalah penghapusan sistem dagangan yang dibentuk oleh pihak penjajah Barat selama ini. Kemudiannya tentera Jepun mengwujudkan sistem dagangan baru dengan tujuan untuk membekal komoditi-komoditi rantau ini kepada negara Jepun. Strategi ini dalam jangka masa panjang amat penting bagi Jepun terus memerangi Amerika Syarikat dan Eropah. Walau bagaimanapun, Jepun tidak dapat mengekalkan keadaan ini. Sejak Oktober 1942, kebanyakan sistem pengangkutan laut dan sistem jalan laut telah hampir hancur akibat tindakan kapal selam Amerika Syarikat memusnahkan kapal dagang Jepun. Seperti yang dapat dilihat dalam Jadual 6.1., jumlah pertambahan bilangan pembinaan kapal jauh lebih kecil daripada jumlah bilangan kapal yang dimusnahkan. Keadaan bertambah buruk lagi, apabila sebilangan daripada kapal-kapal yang ada digunakan bagi tujuan pertahanan dan keselamatan tentera Jepun.<sup>7</sup> Oleh itu, tentera Jepun tidak dapat membina sistem perdagangan yang dirancangkan.

Selain daripada itu, penghapusan sistem perdagangan tersebut telah memberi kesan yang teruk terhadap sistem dagangan tempatan.

**Jadual 6.1. Jumlah Bilangan Kapal di Jepun, Disember 1941 - Ogos 1945 (Lebih daripada 500 ton, termasuk Tanker).**

	Jumlah Bilangan Kapal yang dibina	Jumlah Bilangan Kapal yang Termusnah	Jumlah Bilangan Kapal
Dis.1941	44	52	6,376
Dis.1942	662	1,096	5,942
Dis.1943	1,067	2,066	4,944
Dis.1944	1,735	4,115	2,564
Dis.1945	465	1,502	1,527

Sumber: Hideo Kobayashi, **Nihon-Gunseikano-Ajia, (Asia di bawah Pentadbiran Tentera Jepun)**, Tokyo, Iwanami-Shinsho, 1994, hal: 138.

Seperti yang telah dibincangkan di bab-bab sebelumnya, Johor sentiasa bergantung kepada barang makanan dan perkilangan daripada luar negeri dan eksport bahan komoditi. Maka penghapusan sistem pasaran bermakna kehancuran sistem dagangan ekonomi tempatan.

Walaupun pemodal Jepun menggalakkan aktiviti ekonomi tempatan, sistem perdagangan tidak dapat menguruskan aktiviti mereka sendiri. Sungguhpun syarikat milik Jepun memulakan aktiviti pengeluaran hasil komoditi-komoditi namun usaha ini semua gagal dilaksanakan.<sup>8</sup>

Kemerosotan barang import telah memberi kesan yang besar terhadap struktur harga pasaran terutama bagi barang kegunaan harian. Harga barang kegunaan harian seperti hasil tangkapan laut, daging dan beras telah meningkat dengan ketara sekali.<sup>9</sup> Sekiranya dibandingkan dengan Negeri-Negeri Tanah Melayu lain, keadaan negeri Johor adalah lebih serius kerana keluasan tanah untuk tanaman makanan di Johor amat sedikit yang diusahakan.<sup>10</sup>

Seperti yang telah dijelaskan di atas, kekurangan barang import telah menaikkan harga barang tersebut.

Dalam keadaan yang sedemikian, pihak tentera Jepun terpaksa campurtangan dalam pengagihan barang kegunaan harian bagi mengawal harga pasaran. Sebagai contoh, bekalan petrol telah dikawal

oleh pihak tentera Jepun dengan memperkenalkan sistem Kupon Petrol<sup>11</sup>.

Untuk mengawal perubahan harga barangan harian secara keseluruhan,

pihak tentera Jepun telah melantik 市場価格管理官 [Shizyo Kakaku

Kanrikan] (*Market Price Controller*).<sup>12</sup> Pada 20hb November 1942,

Pihak tentera Jepun telah mengambil tindakan tegas bagi mengawal harga

tembakau. Mengikut peraturan yang ditetapkan, eksport tembakau tidak

dibenarkan kecuali mendapat kebenaran daripada pihak berkuasa Johor.<sup>13</sup>

Selanjutnya, pada 8hb September 1943, 主要産業物品規制法 [*Shuyo*

*Sangyobuppin Kisei Hou*] (*Key Industrial Goods Act*) telah diperkenalkan

oleh pentadbiran tentera Jepun bagi mengawal bekalan bahan mentah dan

barang untuk kegunaan peperangan.<sup>14</sup>

## 6.2 Pemodal

Pasaran komoditi utama telah terjejas ekoran penjajahan tentera Jepun. Ini turut menjaskankan pemilikan tanah di Johor yang sebelum ini kebanyakannya dimiliki oleh pemodal-pemodal Eropah. Di samping itu, kegiatan ekonomi di Johor khususnya industri getah, galian dan kelapa sawit telah terjejas disebabkan oleh penghapusan sistem perdagangan pada tahun 1942. Sebaik sahaja pihak Jepun berjaya membentuk sistem pentadbiran di Johor, undang-undang baru berkaitan

dengan aktiviti ekonomi telah dilaksanakan. Pengenalan sistem permit diwujudkan bertujuan mengawal golongan pemodal. Keistimewaan mendapatkan permit hanya diberikan kepada pemodal-pemodal Jepun sahaja.<sup>15</sup> Pemodal Jepun lebih menumpukan perhatian terhadap perniagaan seperti pembelian bahan mentah, barang pengangkutan dan bekalan import dan eksport sahaja.

Walaupun tentera Jepun kelihatan seolah-olah menguasai perdagangan tempatan, tetapi pada hakikat sebenarnya ianya berada dalam keadaan tenat dan lumpuh seperti yang digambarkan di bawah:

“The control of all trade, wholesale and retail, is very firmly in Japanese hands. Chinese and other shopkeepers have been permitted to reopen their businesses only after supplying detailed information of stocks before their registration was permitted and only to trade in certain commodities. The buying of rubber and other products, although permitted under license to certain Chinese firms, is solely on behalf of the Japanese Rubber Association and similar bodies.

Prices are controlled by Gazette Notification, a rationing scheme exists but goods are not available and the black markets function on an extensive scale despite the heavy penalties. Involved. From information received there is an almost complete lack of such essentials such as tinned milk, sugar, oil, soap, medical supplies etc. and retail trade is dying.”<sup>16</sup>

Tentera Jepun telah melantik satu jawatankuasa untuk menghapuskan harta musuh (harta yang dimiliki oleh pemodal British, Amerika dan Belanda) pada March 1942.<sup>17</sup> Kawasan penanaman getah

yang dahulunya diusahakan oleh pemodal Cina dan Eropah telah diambil alih oleh syarikat milik Jepun seperti *Mawi Gomu Kabushiki Kaisha* (Muar), *Nanyo Gomu Kabushiki Kaisha*, (Kluang) dan lain-lain kawasan pada 1hb November 1943.<sup>18</sup> *Syonan Gomu Kumiai* telah dilantik sebagai pembeli utama kepada semua penanam getah dan pengedar-pengedar yang bertindak sebagai agen kedua.<sup>19</sup> (Sila lihat Jadual 6.2. dan 6.3)

Oleh kerana pasaran dunia lumpuh sama sekali, menyebabkan tentera Jepun cuba mengwujudkan pasaran dalaman dengan cara mempelbagaikan kegunaan komoditi getah dan nenas. Bagi getah kulitnya dijadikan *fibre* untuk membuat pakaian, cuba menukar getah kepada *synthetic oil* dan cuba menggunakan getah sebagai pengganti *asphalt* dalam pembinaan permukaan jalan raya. Bagi nenas pula isinya dijadikan pelbagai bentuk bahan makanan sementara daunnya cuba dijadikan pakaian.<sup>20</sup>

Pihak tentera Jepun beranggapan bahawa industri perlombongan merupakan satu industri yang penting bagi membekalkan sumber tersebut untuk kegunaan pertahanan Jepun. Dalam sektor ini, pihak tentera Jepun memberi sokongan kepada *Chinese Tin Miners* bagi menjalankan kegiatan perlombongan. Bagi menggalakkan aktiviti ini, Pegawai Daerah diarahkan supaya menyediakan bekalan bahan-bahan

**Jadual 6.2. Nama Syarikat Getah di Negeri Johor, 1942, (Ekar)**

Nama Syarikat	Tempat	Ekar
Mawai Rubber K.K.	Jln Mawai , Kota Tinggi	1,059
Pulau Burong Estate (Junichiro Ando)	Sungai Tiram	649
Nanyo Gomu K.K.	Panchor,Johor lama	3,095
Nissan Nohrin Kogyo K.K.	J. Lombong Sungai Seluyor	1,577
Showa Gomu K.K. (Tl. Sengei Estet)	Johor Lama	2,589
Showa Gomu K.K. (Sungei Ambok Estet)	Johor Lama	842
Showa Gomu K.K. (Johor Lama Estet)	Johor Lama	63
Showa Gomu K.K. (Asahi Estet)	Johor Lama	1,079
Nanyo Gomu Takushoku K.K.	Tg. Langsat Tiram	1,952
Consolidated Sango Koshi.Ltd.	Pengerang	
Sugahara Estet (Kauran Sugahara)	Nam Heng	826
Nan Shin Estet (Shigeru Izuka)	Mawai	451
Tokunaga Yoshi	Panti	20
Fukuyama Todi	Kota Tinggi	
Masazo Yoshida	Tl. Sengat, Johor Lama	1
Dr.M.Kamimura	Sg. Seluyor	47
Isamu Nishioka	Sg. Seluyot	
K. Akitani	Ayer Bintan	10
Johor Lama Estet	Johor Lama, Tl. Sengat	4
Sg. Seluyot Rubber Estet	Seluyor	5
<b>Syarikat yang mengwal Har ta Musuh Eropah dan Cina</b>		
Consolidated Sango Koshi	Pengerang	769
Ishihara Sango Koshi. Ltd.	Lombong Kota Tinggi	115
Shigeru Izuka Lobuk Pusing	Lobuk Pusing	18

Sumber: CLMJ 31/2604: List of Estates Under The Management of Japanese Rubber Companies, Tidak ada tarikh, Lampiran 1.

**Jadual 6.3. Pemodal-Pemodal Jepun yang Melaksanakan Aktiviti Lombongan, 1942-1945**

Daerah	Title	Ekar	Annual Rent	Deposit Gallan
<b>Ishihara Sangyo Koshi, Ltd</b>				
Kota Tinggi	No.291	115.3.00	116	Bijih Besi
	No.204	146.1.35	146.5	"
	No.228	384.3.10	385	"
	No.401	251.0.00	251	"
	No.387	50.1.35	50.5	Bauxite
	No.388	1.3.15	2	"
Batu Pahat	No.1/41	2.0.02	2.3	Bauxite
	No.2/41	4.3.27	5	"
	No.3/41	1.3.04	2	"
	No.4/41	7.0.19	7.3	"
	No.405	0.1.30	1	"
	No.406	0.1.37	1	"
<b>Shigeru Iizuka</b>				
Mersing	No.294	189.1.30	190	Bijih Besi
	No.326	514.2.00	514.5	"
	No.350	111.1.10	112	"
Kota Tinggi	No.327	18.3.03	19	"

Sumber: CLMJ 162/1946, Ag. Commisioner of Land & Mines,  
Malayan Union, 29 Julai 1946, Lampiran 5A, 6,7A.

keperluan seperti minyak enjin, petrol dan sebagainya bagi pemodal-pemodal yang melibatkan diri dalam aktiviti tersebut. Selain daripada itu, tentera Jepun juga bertanggungjawab menyediakan bekalan buruh untuk memenuhi permintaan tenaga buruh dari sektor tersebut.<sup>21</sup>

Sementara itu, *Mitsui Bussan* iaitu pembeli utama biji timah bertindak memberikan pinjaman bagi menggalakkan semula aktiviti perlombongan. Pegawai Daerah juga diarahkan supaya melaporkan jumlah industri dan buruh yang terlibat bagi memastikan kapasiti industri dan kebajikan buruh sentiasa terkawal.<sup>22</sup> Bagaimanapun usaha-usaha yang dianjurkan oleh pihak *Gunseikanbu* tidak mencapai kejayaan kerana musnahnya sistem perdagangan. Untuk menghidupkan semula sistem perdagangan, pada November 1942, Shuzaburo Sugiyama, *Pengarah Ishihara Sangyo Kaiun Kabushiki Gaisha* telah memohon kebenaran tentera Jepun bagi membina sebuah pelabuhan kecil di Mersing bagi mempertingkatkan sistem pengangkutan laut.<sup>23</sup>

Walaupun beberapa usaha telah dijalankan, secara keseluruhannya pemodal-pemodal Jepun dan juga pemodal-pemodal tempatan tidak berjaya menguruskan aktiviti ekonomi mereka seperti yang dirancangkan. Ini disebabkan sistem pegangkutan laut di rantau ini sentiasa diancam oleh Angkatan Laut Tentera Bersekutu.

### **6.3 Demografi**

Kemerosotan sistem pasaran dan aktiviti ekonomi tempatan telah membawa perubahan yang ketara terhadap perkembangan ekonomi tempatan. Dalam keadaan tersebut, golongan yang paling terjejas adalah penduduk-penduduk tempatan. Sebelum perang, sebahagian besar penduduk tempatan bekerja dalam sektor pengeluaran komoditi seperti getah, timah dan sebagainya. Pertambahan bilangan penduduk adalah ekoran daripada perkembangan aktiviti pengeluaran komoditi. Dengan hancurnya sistem pasaran dan aktiviti ekonomi tersebut menyebabkan mereka kehilangan kontrak bekerja.

Semasa Pendudukan Jepun, pihak tentera Jepun tidak merekodkan sebarang laporan atau fail yang memberikan gambaran yang lengkap mengenai perubahan bilangan penduduk di Johor. Bagaimanapun, berdasarkan maklumat yang terhad dapat diandaikan bahawa kebanyakan pemodal Eropah telah pulang ke tanah air mereka. Sementara itu, majoriti golongan buruh di Johor kebanyakannya mereka telah hilang pekerjaan kerana kontrak mereka telah dibatalkan. Pelbagai masalah telah timbul, terutamanya, masalah-masalah yang disebabkan oleh kekurangan bahan makanan.

Masalah kekurangan makanan dan kesulitan hidup pada masa

itu digambarkan seperti berikut:

"People were seen on the streets who were too weak, from lack of food, to walk. Beri-beri and what C-990 called "Scabies" were very prevalent, due, he said, to the scarcity and poor quality of the food. Cloth and clothing available in shops were all pre-war material and were much too expensive for the average man to purchase. Some of the poor people were going naked, or nearly naked. The Japanese followed the policy of forgoing each small section of the region to be self-sufficient, and did not permit even food to be transported from JOHORE BAHRU to SINGAPORE".<sup>24</sup>

Untuk meneruskan hidup, kebanyakan buruh telah mengubah aktiviti harian mereka daripada mengusahakan tanaman komoditi seperti getah dan kegiatan lain seperti galian kepada tanaman makanan. Dengan yang demikian jumlah keluasan kawasan yang diusahakan dengan tanaman makanan telah bertambah dengan pesat sekali. Seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 6.4., aktiviti yang dijalankan hanya bercorak sara diri sahaja.

Tindakan menanam tanaman makanan terpaksa dilakukan kerana polisi pentadbiran Jepun tidak membenarkan komoditi yang ada di pindahkan dari sebuah daerah ke daerah yang lain.

"The Japanese would not allow commodities to be shipped from one area in Malaya to another. Even SINGAPORE was forced to be self-sufficient, and food was not even sent from JOHORE BAHRU to SINGAPORE. Because of the lack of flow of materials from one district to another, there was great variation in prices of the same commodity at different points. The only thing that was cheap in JOHORE BAHRU, however, was "toddy", an alcoholic drink made from coconut sap, produced at coconut plantations near the city".<sup>25</sup>

**Jadual 6.4. Jumlah Keluasan Tanaman Makanan, 1940 dan 1945,  
(Ekar)**

Jenis Tanaman	1940	1945	Kadar Peningkatan
Padi Bukit	1,440	12,449	884.50%
Padi Sawah	13,200	15,665	118.60%
Ubi Kayu	12,994	77,469	596.10%
Ragi	.	5,580	
Jagung	993	1,430	144.00%
Kacang tanah	604	961	159.10%
Tanaman Pasar	4,761	8,884	186.50%
Makanan Lain	3,590		

Sumber: ARJ 1946, hal: 14.

## 6.4 Pentadbiran *Gunseikanbu*

Semasa Pentadbiran Kolonial British, Tanah Melayu dibahagikan kepada tiga unit politik iaitu Negeri-Negeri Selat (Singapura, Melaka, dan Penang), Negeri-Negeri Melayu Bersekutu (Perak, Pahang, Selangor dan Negeri Sembilan) dan Negeri-Negeri Melayu Tidak Bersekutu (Johore, Perlis, Kedah, Kelantan dan Trengganu). Ketiga-tiga unit politik ini telah disatukan oleh pihak tentera Jepun sebagai sebuah *New State* dan kemudiannya ingin digabungkan dengan Sumatra dan kepulauan yang berhampiran<sup>26</sup>. Pada 18hb Oktober 1943, Negeri-Negeri Melayu Utara (Perlis, Kedah, Kelantan dan Trengganu) telah diserahkan kepada kerajaan Siam. Negeri-Negeri Selat tidak lagi wujud sebagai satu unit pentadbiran. Singapura pula telah menjadi pusat pentadbiran untuk Negeri-Negeri Tanah Melayu (*Subordinate Provinces*). Semua negeri mempunyai hak pentadbiran yang sama dan dianggap sebagai sebuah wilayah dan diperintah secara langsung oleh tentera Jepun.<sup>27</sup>

Pada akhir 1942, Shigemasa Sunada, Penasihat Pentadbiran Tentera Jepun untuk Malaya - Sumatra telah mengumumkan hasrat Jepun untuk menjadikan koloni ini sebagai tanah jajahan dan menggalakkan imigrasi orang Jepun ke Tanah Melayu.<sup>28</sup> Sikap ini amatlah berbeza

dari pada tujuan yang dinyatakan oleh pihak tentera Jepun kepada negara-negara jiran seperti Burma, Siam, Indochina dan juga Filipina yang telah menubuhkan kerajaan sendiri.<sup>29</sup>

Di peringkat pentadbiran negeri Johor terdapat dua perubahan struktur pentadbiran, iaitu pentadbiran oleh tentera Jepun dan penglibatan orang awam berbangsa Jepun dalam pentadbiran negeri. Sungguhpun pihak tentera Jepun merupakan kuasa yang kuat, namun agensi awam dari Jepun juga diminta untuk menghantar kakitangan teknikal yang sesuai untuk bekerja di bawah pentadbiran Jepun di Johor.

Dalam soal pentadbiran kewangan tentera Jepun pada bulan November 1942, telah bermesyuarat dan memutuskan perkara-perkara yang perlu dirancangkan dalam belanjawan seluruh Malaya termasuk negeri Johor seperti berikut:

1. Currencies stabilisation
2. Taxation of entertainments and luxuries
3. Priority of expenditure for construction in Sumatra
4. Self-sufficiency for the military force
5. Defence of material resources.
6. Development of industries and the establishment of economic self-sufficiency
7. Restoration of transportation
8. Social Welfare<sup>30</sup>

Pada tahun berikutnya tindakan berikut telah diambil:

"In April 1943, the estimates were reported to have been settled and approved by the Japanese government. No details were given, but 40% of the revenue was to be obtained from taxation and the balance from sales of public property (presumably British Property) and income from government monopolies such as tobacco, railways and post office".<sup>31</sup>

Pentadbiran tentera Jepun telah meningkatkan hubungan dengan tokoh-tokoh tempatan bagi memastikan aktiviti ekonomi dapat berjalan dengan lancar. Pihak Jepun telah melantik Penghulu dan Ketua Kampung sebagai pengumpul cukai dan bertanggungjawab menjaga keselamatan. Pihak berkuasa Jepun juga cuba membina struktur pentadbiran dengan bantuan daripada penduduk tempatan bagi mengawal keadaan keselamatan yang tidak stabil. Sehubungan dengan itu, pada penghujung Oktober 1942, pihak tentera Jepun telah memperkenalkan となりぐみ [Tonari-Gumi] (Rukun Tetangga) iaitu kawalan keselamatan dengan bantuan penduduk tempatan serta kerjasama daripada Penghulu.<sup>32</sup> Penghulu memainkan peranan penting selain daripada sebagai pengumpul cukai dan menjaga keselamatan, mereka juga terlibat dalam pengagihan makanan dan penghasilan tanaman makanan.<sup>33</sup> Polisi ini bertujuan untuk menjadikan semua golongan masyarakat bersatu, bekerjasama bagi membina kemakmuran di negara ini.

Pihak pentadbiran tentera Jepun telah menggesa 現地人職員共濟組合 [Genchijin Shokuin Kyosai Kumiai] (Persatuan

Kakitangan Pentadbiran Tempatan) untuk membentuk syarikat kerjasama bagi mengurangkan beban kehidupan sehari-hari bagi kakitangan pentadbiran dan pentadbiran Johor di bawah 軍政監部 [*Gunseiban Bu*] (Pejabat Pentadbiran Tentera Jepun).<sup>34</sup> Pada 1942, 財務部長 [*Zaimubicho*] (Pesuruhjaya Kewangan), Johor telah merancang struktur kewangan bagi meningkatkan ekonomi serta jumlah nilai pendapatan dan merancang perbelanjaan Johor dengan sebaik mungkin.<sup>35</sup> Polisi *Zaimubicho* ini telah mengariskan beberapa saranan iaitu (1) membentuk dan menyusun semula sistem pentadbiran (2) meninggikan kemakmuran dan ekonomi rakyat (3) mempercepatkan perkembangan industri dan perdagangan (4) memperbaiki sistem pengangkutan dan komunikasi (5) membantu penduduk yang tidak berkemampuan mendapat bekalan makanan.<sup>36</sup>

Dari aspek pendapatan, pihak tentera Jepun telah menghadapi pelbagai masalah akibat daripada perubahan pasaran. Sehingga Mac 1943, pengumpulan sumber pendapatan adalah sama dengan corak yang diamalkan oleh Pentadbiran Kolonial British sebelum ini. Bagaimanapun, corak pendapatan yang diamalkan ini tidak sesuai disebabkan berlakunya perubahan dalam struktur ekonomi seperti kelumpuhan perdagangan, kemasuhan infrastruktur dan lain-lain lagi.

Dalam situasi seperti ini, pihak Pentadbiran Jepun telah

memperkenalkan cukai baru seperti *Entertainment Tax* bagi menyesuaikan dengan perubahan ke atas jumlah nilai pendapatan. Sistem kewangan Johor mempunyai dua jenis akaun iaitu Akaun *Headquarters* dan Akaun Negeri.<sup>37</sup> Gabenor bertanggungjawab ke atas sebahagian besar daripada peruntukan kewangan yang ingin diserahkan kepada “*Headquarters of Japanese Military Administration*”. Sebagai contoh, *Mental Hospital*, telegraf dan telefon ditadbir sepenuhnya oleh *Headquarters*, sementara itu jalanraya, jambatan, sungai dan pelabuhan ditadbir bersama di antara *Headquarters* dan pentadbiran negeri.<sup>38</sup> Sementara itu, Timbalan Gabenor pula bertanggungjawab di dalam hal ehwal kewangan dan sebagai penasihat pertabuharaan negeri.<sup>39</sup>

Pihak tentera Jepun telah mengamalkan polisi peruntukan perbelanjaan berdasarkan jumlah nilai pendapatan seperti yang diamalkan oleh pihak British. Walau bagaimanapun setiap peruntukan perbelanjaan mestilah mendapat kebenaran daripada *Zaimubicho* terlebih dahulu.<sup>40</sup>

Selain daripada itu, usaha membaik pulih infrastruktur seperti jalan raya, landasan keretapi dan sistem komunikasi telah menimbulkan masalah yang besar kepada pihak tentera Jepun. Selain daripada masalah ini, pihak tentera Jepun juga menghadapi masalah seperti perkhidmatan sosial, keselamatan dan penerangan awam. Peruntukan untuk

menyelesaikan masalah berkenaan adalah perlu bagi mengekalkan kestabilan sosial. Sebaliknya, pihak tentera Jepun tidak memberikan perhatian terhadap perbelanjaan tahunan untuk projek-projek tertentu ekoran daripada peruntukan perbelanjaan yang terhad.

Bagi pengurusan kewangan negeri, *Headquarters of Japanese Military Administration* tidak membenarkan berlakunya defisit kewangan. Sekiranya negeri Johor memerlukan perbelanjaan yang lebih daripada pendapatan negeri, *Headquarters of Japanese Military Administration* sedia meminjamkan sejumlah wang yang dapat menampung perbezaan yang berlaku.<sup>41</sup>

## 7.5 Pendapatan Negeri

Seperti yang telah dijelaskan sebelum ini sistem pentadbiran kewangan tentera Jepun adalah berbeza dari sistem pentadbiran kewangan kolonial British. Dalam tempoh masa ini, pihak Pentadbiran *Gunseikanbu* telah mengkategorikan hasil negeri kepada dua, iaitu (A) Hasil Biasa dan (B) Hasil Luar Biasa. Perlu dijelaskan di sini, disebabkan ketiadaan data yang menyeluruh, perbincangan di bawah ini hanya berdasarkan kepada perangkaan yang diperolehi bagi tempoh lebih kurang dua tahun iaitu dari 1hb. April 1942 hingga 31hb. Mac 1944. Seperti yang dapat dilihat daripada

Jadual 6.5., sumbangan pendapatan daripada cukai adalah terdiri daripada Cukai Tanah, Cukai Hutan, Cukai Dalam, dan Cukai Pejabat Bandaran. Selain daripada cukai, kategori A juga mengandungi sumber hasil daripada Bayaran, Hasil Serahan, Bahagian Orang Ramai, Hasil Daripada Pekerjaan Orang Ramai, Pendapatan Daripada Harta, Bayaran Kerugian, Pemberian dan Berbagai. Dalam tempoh masa ini, komposisi pendapatan daripada kategori A (Hasil Biasa) adalah sebanyak 33.70% sahaja. Pada tahun 1942 hasil pendapatan daripada kategori adalah sebanyak \$7,599,757 dan pada tahun 1943 hasil pendapatan daripada kategori ini telah bertambah kepada \$11,449,383.

Dalam jangka masa ini, pihak *Gunseikanbu* memperolehi sejumlah besar pendapatan iaitu 66.30% daripada kategori B yang terdiri daripada Wang Yang Dipindahkan Daripada Tahun yang lalu, Tuntutan Dari Bayaran, Hasil Tambahan, Hasil Daripada Pembahagian Makanan, Hasil Daripada Jualan Minyak, Pinjaman, Wang Tebusan dan Berbagai, seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 6.5.. Jumlah kutipan hasil daripada kategori B pada tahun 1942 berjumlah \$17,395,234 dan pada tahun 1943 telah meningkat kepada \$19,491,352. Untuk mendapatkan gambaran yang lebih jelas, di bawah ini diuraikan setiap bentuk sumber pendapatan yang diperolehi oleh Pentadbiran *Gunseikanbu*.

**Jadual 6.5. Pendapatan Negeri Johor Selama Pendudukan Jepun,  
1hb. April 1942 - 31hb. Mac 1944, (Gunpyo)**

Kategori	1/April/1942 - 31/Mac/1943		1/April/1943 -31/Mac/1944		1/April / 1942-31/Mac / 1944
	\$	%	\$	%	%
<b>(A) Hasil Biasa</b>					
Cukai Tanah	3,027,944	12.11%	3,249,620	10.50%	11.31%
Cukai Hutan	202,000	0.81%	935,000	3.02%	1.92%
Cukai Dalam	203,850	0.82%	544,280	1.76%	1.29%
Cukai Berbagai	1,159,200	4.64%	1,789,995	5.79%	5.21%
Cukai Pejabat Bandaran	352,000	1.41%	337,600	1.09%	1.25%
Bayaran	674,078	2.70%	504,920	1.63%	2.16%
Hasil Serahan	782,364	3.13%	1,018,737	3.29%	3.21%
Bahagian Orang Ramai	1,002	0.00%	53,806	0.17%	0.09%
Hasil Dariupada Pekerjaan Orang Ramai	942,034	3.77%	2,634,518	8.51%	6.14%
Pendapatan Daripada Harta	118,495	0.47%	263,593	0.85%	0.66%
Bayaran Kerugian	2	0.00%	1	0.00%	0.00%
Pemberian	4	0.00%	2	0.00%	0.00%
Berbagai	171,586	0.69%	117,311	0.38%	0.53%
<b>Jumlah (A)</b>	<b>7,599,757</b>	<b>30.41%</b>	<b>11,449,383</b>	<b>37.00%</b>	<b>33.70%</b>
<b>(B) Hasil Luar Biasa</b>					
Wang Yang Dipindahkan Daripada Tahun Yang Lalu	428,516	1.71%	2	0.00%	0.86%
Tentutan dan Bayaran	250,000	1.00%	4,400	0.01%	0.51%
Hasil Tambahan	1,760,872	7.04%	1,782,223	5.76%	6.40%
Hasil Daripada Pembahagian Makanan	12,753,846	51.03%	15,260,282	49.32%	50.17%
Hasil Daripada Jualan Minyak Tanah	0	0.00%	1,384,444	4.47%	2.24%
Pinjaman	1,902,000	7.61%	500,000	1.62%	4.61%
Wang Tebusan	0	0.00%	1	0.00%	0.00%
Berbagai	300,000	1.20%	560,000	1.81%	1.51%
<b>Jumlah (B)</b>	<b>17,395,234</b>	<b>69.59%</b>	<b>19,491,352</b>	<b>63.00%</b>	<b>66.30%</b>
<b>Jumlah</b>	<b>24,994,991</b>	<b>100.00%</b>	<b>30,940,735</b>	<b>100.00%</b>	<b>100.00%</b>

Sumber: Disusun daripada State of Johore, Revenue and Expenditure for 18, Showa, (1 April 2603 - 31 Mac 2604), Johore Bahru, Gunseikanbu, 2604(1944).

### **6.5.1. (A) Hasil Biasa**

#### **6.5.1.1. Cukai Tanah**

Pentadbiran *Gunseikanbu* telah melaksanakan semula sistem cukai tanah. Dari segi komposisi, sebanyak 11.31% daripada jumlah pendapatan negeri diperolehi daripada cukai tersebut. Pada dasarnya, cukai ini telah dikenakan kepada semua pihak yang mempunyai tanah kecuali (1) kawasan tanah dan kemudahan yang dimiliki oleh tentera Jepun; (2) kawasan tanah dan kemudahan yang dikawal di bawah pentadbiran tentera; dan (3)<sup>42</sup> tanah dan kemudahan yang bernilai kurang daripada \$3,000 (*Gunpyo*).<sup>43</sup> Kadar cukai ini adalah sebanyak 30 peratus daripada jumlah nilai tanah dan kemudahan-kemudahan yang ada di atasnya.<sup>44</sup> Bagaimanapun, sistem pentadbiran yang dijalankan ini tidaklah secekap sistem pentadbiran yang dijalankan oleh Pentadbiran Kolonial British. Ramai penduduk tempatan telah mengkritik perlaksanaan cukai tanah tersebut.<sup>45</sup>

#### **6.5.1.2. Hasil Daripada Pekerjaan Orang Ramai**

Hasil Daripada Pekerjaan Orang Ramai membawa maksud hasil pendapatan yang diperolehi daripada aktiviti penjualan candu, Pejabat Percetakan, Hospital, Omnibus dan Pejabat Penjara. Sumbangan daripada katogeri ini adalah sebanyak 6.14%.

### 6.5.1.3 Cukai Berbagai

Dalam kategori ini, pihak *Gunseikanbu* telah mengenakan cukai terhadap 25 item, antaranya termasuklah Cukai Ke atas Kereta Jentera, Cukai Sampan, Cukai Menangkap Ikan, Senjata Letupan, Lesen Anjing, Pajak Gadai, Penjaja dan Penjaja Berjalan, Penjual Barang-barang Sudah Dipakai, Penjual Getah, Menoreh Getah, Masuk Menjadi Pegawam, Menjual Racun, Tukang Gaji, Pembeli Kelapa Kering, Menjual Makanan, Membuat Makanan, Cukai Kuli, Penakair, Palilong, Membuat Sukatan dan Timbang, Menyimpan Minyak Tanah dan Lain-lain Cukai Harga Pusaka.

Sebagai satu fenomena baru, bagi menampung beban kewangan, pihak pentadbiran *Gunseikanbu* di negeri Johor di bawah kategori ini, telah mengenakan cukai ke atas persempahan hiburan, perarakan, wayang, permainan mahjong dan “billiard”(bola meja). Cukai hiburan menjadi penting kerana berlakunya perkembangan hiburan yang pesat di pusat-pusat bandar termasuk juga di bandar-bandar kecil di pedalaman.

“Scarcely a year had passed after the Japanese came into this City gambling rights were granted to carry on public gambling houses. Such gambling houses were first started in Johore State and other towns up country. Subsequently amusement parks in this City such as the Great World, the New World, etc., followed suit. So that these parks became eventually veritable gambling Centres. It was estimated that there were about 300 gambling houses scattered all over the town where people gambled openly under

the very nose of the Police. Although such gambling houses sprang up like mushrooms everywhere, the authorities seemed to just wink at the whole affair, whilst at the same time those Police people whose duties it was to suppress such gambling, took advantage of receiving bribery in payment for keeping their mouths shut. Such gambling houses naturally pandered to the gambling spirit of the common people (especially the Chinese), and tended to develop in them vices that in turn often resulted in the commitment of all sorts of crimes. Apart from gambling houses, the Japanese Government started montly lotteries, the revenues from which were said to be for charity, but all the same it was only another form of legalised gambling, which in fact should not be encouraged by the Japanese Government if it sincerely had the welfare of the people at heart ".<sup>46</sup>

Seperti yang dapat dilihat dari Jadual 6.6., dalam jangka masa yang pendek sahaja pihak tentera Jepun telah berjaya meningkatkan kadar cukai hiburan. Bagi jenis hiburan yang melebihi daripada \$100, kadar cukainya meningkat sebanyak dua kali ganda daripada \$5.00 kepada \$11.00 dalam tempoh setengah tahun.

#### **6.5.1.4      Hasil Serahan**

Hasil Serahan bermaksud cukai yang dikenakan kepada barang yang dihantar ke negeri-negeri, cukai dalam kastam, cukai setem dan juga cukai harta pusaka. Dari segi kepentingan, cukai dari sumber-sumber ini hanya merupakan 3.21% daripada jumlah pendapatan.

#### **6.5.1.5      Cukai Dalam**

Sebelum jangka masa ini, sumbangan hasil daripada lesen

**Jadual 6.6. Cukai Hiburan Di Negeri Johor Jun-Disember,  
1942, (Gunpyo)**

Bulan	\$ 2.0	\$ 10.00	\$ 100.00	Lebih daripada \$100.00
<b>Jun</b>	0.50	1.00	2.00	5.00
<b>Julai</b>	0.50	1.20	2.40	6.00
<b>Ogos</b>	0.50	1.40	2.60	7.00
<b>September</b>	0.50	1.60	2.80	8.00
<b>Oktober</b>	0.50	1.80	3.00	9.00
<b>November</b>	0.50	2.00	3.20	10.00
<b>Disember</b>	0.50	2.20	3.40	11.00

Sumber: MBJ 104/2602 Pegawai Daerah, Batu Pahat  
kpd. Y.M.Ungku, MBJ, 14 Jun 2602, Lampiran 8.

dan eksais adalah amat mustahak. Bagaimanapun, pihak Pentadbiran *Gunseikanbu* tidak mampu memperolehi pendapatan daripada lesen dan eksais kerana berlakunya kelumpuhan dalam aktiviti perdagangan. Dari segi kepentingan didapati lesen dan eksais hanya menyumbangkan 1.33% daripada jumlah pendapatan. Peratusan tersebut diperolehi melalui usaha pihak *Gunseikanbu* dalam mengenakan cukai kepada tempakau, arak dan mancis.

#### **6.5.1.6        Lain -Lain**

Sekiranya dibandingkan dengan sumber pendapatan di atas, didapati Cukai Hutan, Cukai Pejabat Bandaran, Bahagian Orang Ramai, Pendapatan Daripada Harta, Bayaran Kerugian, Pemberian dan Berbagai adalah terlalu kecil iaitu tidak melebihi 4% daripada jumlah pendapatan.

#### **6.5.2        (B) Hasil Luar Biasa**

##### **6.5.2.1      Pembahagian Bahan Makanan dan Minyak**

Dari segi komposisi, didapati dalam masa pendudukan Jepun sumber pendapatan negeri yang terpenting adalah daripada Pembahagian Makanan dan Minyak, yang menyumbangkan sebanyak 52.41% daripada jumlah pendapatan negeri. Jenis bahan makanan yang telah dibahagikan di bawah pimpinan Pentadbiran *Gunseikanbu* termasuklah beras, garam, gula, susu, kacang soya, minyak benzine, minyak tanah, minyak

cair, minyak pekat (*Diesel*), minyak cylinder, minyak *engine*, minyak *grease* dan lain-lain minyak.

#### **6.5.2.2        Hasil Tambahan**

Dalam tempoh masa ini, 6.40% daripada jumlah pendapatan negeri didapati daripada hasil tersebut. Hasil Tambahan ini mengandungi hasil daripada Tambahan Pengeluaran Makanan, Menggalakan Memelihara Hidup-hidupan, Membuat Kapal Kayu, Membuat Semula Kerja Kerajaan, Kerja Orang Ramai dan Tambahan Kerana Membetulkan Kira-Kira Wang.

#### **6.5.2.3        Lain-Lain Sumber Pendapatan**

Selain daripada pendapatan tersebut, pihak *Gunseikanbu* memperolehi cukai tersebut daripada Wang Yang Dipindahkan Daripada Tanah, Tuntutan dan Bayaran, dan Berbagai. Sumbangan dari ketogeri ini amat kecil sekitar 3% sahaja.

#### **6.5.2.4        Pinjaman**

Untuk menjalankan kerja-kerja khusus pentadbiran *Gunseikanbu*, memelihara binatang ternakan seperti kerbau dan lembu, membina semula kerja-kerja Kerajaan, membina jalanraya dan kerja-kerja orang ramai, pihak tentera Jepun telah memperolehi pinjaman daripada *Headquarters of Japanese Military Administration*. Sebanyak, 4.61% daripada jumlah pendapatan negeri diperolehi daripada pinjaman tersebut.

### **6.5.3            Hasil daripada Perkhidmatan Bekalan Air dan Elektrik**

Selain daripada sumber hasil tersebut, pihak tentera Jepun juga telah memperolehi pendapatan daripada perkhidmatan bekalan air dan elektrik. Hasil kutipan daripada perkhidmatan ini tidak dimasukkan ke dalam akaun di atas, tetapi dibuka akaunnya secara berasingan. Dalam tempoh masa ini, jumlah hasil yang diperolehi daripada perkhidmatan bekalan air adalah sebanyak \$412,840 pada tahun 1942 dan meningkat sedikit kepada \$515,094 pada tahun 1943. Sementara itu hasil kutipan daripada bekalan elektrik telah menurun sedikit daripada \$637,273 pada tahun 1942 kepada \$625,753 pada tahun 1943. (Sila lihat Jadual 6.7.)

## **6.6            Perbelanjaan Negeri**

Dengan sumber yang terhad, Pentadbiran *Gunseikanbu* terpaksa melaksanakan belanjawan jimat cermat yang amat ketat. Oleh kerana kesukaran untuk mendapatkan bahan-bahan dari luar menyebabkan pentadbiran pada masa ini terpaksa mengarahkan semua pihak menggunakan sumber sedia ada dengan cara yang terbaik sekali. Pembaziran adalah dilarang keras. Bagi meneruskan pentadbiran dan perancangan yang telah digariskan, tenaga rakyat tempatan telah digunakan

**Jadual 6. 7. Jumlah Nilai Pendapatan daripada Perkhidmatan Bekalan Air dan Elektrik, 1hb. April 1942 - 31hb. Mac 1943, (Gunpyo)**

Kategori	1/April/1942 - 31/Mac/1943		1/April/1943 -31/Mac/1944		1/April / 1942- 31/Mac / 1944
	\$	%	\$	%	
Pengutipan Hasil daripada Bekalan Air	412,840	39.31%	515,094	45.15%	42.23%
Pengutipan hasil daripada Bekalan Elektrik	637,273	60.69%	625,753	54.85%	57.77%
Jumlah	1,050,113	100.00%	1,140,847	100.00%	100.00%

Sumber: Disusun daripada **State of Johore, Revenue and Expenditure for 18, Showa, (1 April 2603 - 31 Mac 2604), Johore Bahru, Gunseikanbu, 2604(1944).**

melalui konsep buruh paksa.

Dalam jangka masa ini, pihak *Gunseikanbu* tidak dapat memperuntukan belanjawan mengikut sesuka hati mereka. Ini kerana tidak terdapat lebihan kewangan dalam akaun negeri.

Seperti yang dapat dilihat daripada Jadual 6.8., komposisi peruntukan kewangan yang dianjurkan oleh pihak Pentadbiran *Gunseikanbu* adalah berbeza dengan komposisi peruntukan kewangan di zaman Pentadbiran Kolonial British. Daripada Jadual tersebut didapati peruntukan belanjawan untuk Gaji Kakitangan, Pencen dan Kos pentadbiran adalah sangat kecil, iaitu hanya 38.32% sahaja daripada jumlah perbelanjaan. Jumlah perbelanjaan pada tahun 1942 berjumlah \$9,432,582 dan tahun berikutnya telah bertambah kepada \$12,034,476.

Perbelanjaan bagi pembinaan infrastruktur bagi kerja raya, utiliti, perkhidmatan sosial juga mendapat peruntukan perbelanjaan yang kecil sekitar 10% daripada jumlah. Dalam jangka masa ini, peruntukan perbelanjaan yang paling besar adalah untuk pembahagian barang makanan, iaitu sebanyak 50.57% daripada jumlah perbelanjaan. Bagi lain-lain tujuan perbelanjaan, masing-masing tidak mencapai 1% daripada jumlah perbelanjaan.

**Jadual 6. 8. Perbelanjaan Negeri Mengikut Objektif,  
1 April 1942 - 31 Mac 1944, (*Gunpyo*)**

Kategori	1hb April 1942 - 31hb Mac 1943		1 hb April 1943 - 31 hb Mac 1944		1hb April 1942 - 31 hb Mac1944
	\$	%	\$	%	
Gaji Kakitangan, Pencen dan Kos Pentadbiran	9,432,582	37.74%	12,034,476	38.90%	38.32%
Pembinaan Infrastruktur	2,858,043	11.43%	2,804,379	9.06%	10.25%
Membahagikan Barang Makanan dan Minyak	12,504,396	50.03%	15,780,020	51.00%	50.51%
Membeli Kapal-Kapal dan Perahu	100,000	0.40%	197,500	0.64%	0.52%
Wang Yang Hendak Dipinjamkan	30,000	0.12%	124,380	0.40%	0.26%
Tambahan Kerana Ganti Kerugian	40,645	0.16%	0	0.00%	0.08%
Belanjaan Atas Hutang	29,325	0.12%	0	0.00%	0.06%
Jumlah	24,994,991	100.00%	30,940,735	100.00%	100.00%

Sumber: Disusun daripada **State of Johore, Revenue and Expenditure for 18, Showa, (1 April 2603 - 31 Mac 2604)**, Johore Bahru, *Gunseikanbu*, 2604(1944).

#### **6.6.1 Gaji kakitangan Pencen dan Kos Pentadbiran**

Dalam tempoh masa ini, pihak tentera Jepun telah menubuhkan pelbagai jabatan-jabatan baru bagi memenuhi keperluan pentadbiran seperti Pejabat Bomba, Pejabat Perusahaan dan Perniagaan, Rumah Sakit, Pejabat Kenaikan Membawa Orang Tumpangan, Pejabat Cetak, Pejabat Propaganda, Pejabat Menghebahkan Bahasa Jepun, Pejabat Makanan, Pejabat Minyak dan Pejabat Menjaga Harga Barang Makanan. Walaupun banyak jabatan-jabatan baru telah ditubuhkan, namun begitu dari segi peruntukan perbelanjaan bagi tujuan membayar gaji kakitangan dan kos pentadbiran adalah rendah.

Oleh kerana menghadapi masalah kewangan yang terhad, pentadbiran *Gunseikanbu* tidak dapat memberikan bayaran pencen sepenuhnya kepada pesara-pesara seperti yang mereka nikmati semasa pentadbiran British dahulu. Sebahagian besar daripada peruntukan pencen yang ada telah digunakan untuk membantu golongan yang tidak berkeupayaan. Pentadbiran Jepun juga telah diminta mempertimbangkan kedudukan golongan pesara yang tidak memperolehi sebarang pencen agar mereka termasuk dalam golongan yang patut menerima bantuan. Pada masa itu, terdapat lebih kurang 1,100 orang mendapat elauan pencen di samping 90 orang menerima pencen khas.

Kebanyakan mereka yang tidak berkemampuan hanya bergantung kepada penceran yang diperuntukan oleh pihak tentera Jepun sahaja. Bagi mengatasi masalah ini, pihak tentera Jepun telah memperkenalkan dua kaedah iaitu; pertama, memberi peluang kepada pesara-pesara berkenaan untuk bekerja semula. Kedua, mengurangkan jumlah penceran dan mengagihkan lebihan wang tersebut kepada golongan yang belum merima penceran lagi.

#### 6.6.2           Kerja Raya

Kemusnahan infrastruktur seperti jalan raya, landasan keretapi, sistem bekalan air dan elektrik telah menimbulkan masalah kepada pihak tentera Jepun dalam usaha membangunkan ekonomi negeri Johor. Lebih kurang 500 buah rumah dan bangunan kerajaan telah musnah akibat perang di Johor Bharu. Pihak tentera Jepun menghadapi masalah untuk mendapatkan bekalan bahan pembinaan seperti simen dan paku,<sup>47</sup> di samping kekurangan tenaga buruh bagi membangunkan semula kawasan ini.<sup>48</sup>

Salah satu cara untuk mendapatkan bekalan tenaga buruh adalah dengan melaksanakan *free labour service* seperti yang digambarkan di bawah:

“A system of Free Labour Service was introduced whereby every able bodied Chinese was called upon to do labour service of one kind or another once every 10 days (later the period of service became more often, i.e. every 7 days), just to make the people fully realize the each and everyone of them had simply to give a tangible proof of his willingness to cooperate with the Japanese Government. This free labour service organization was subsequently transferred to the Auxiliary Police Association to take control”.<sup>49</sup>

Dalam hal pengambilan buruh, pihak Jepun tidak membenarkan pengambilan pekerja dan penggunaan peruntukan untuk pembangunan infrastruktur yang melebihi daripada jumlah yang ditetapkan oleh 予算令達所 [*Yosan Reitatsu-sho*] (Jabatan Belanjawan).<sup>50</sup>

#### 6.6.3. Utiliti

Ekoran daripada kemasuhan sistem pengangkutan, pihak Pentadbiran Jepun telah mengalami masalah yang besar terutamanya pembinaan jalan raya. Ini kerana pada masa ini, sebilangan besar tenaga buruh telah pulang ke negara masing-masing. Keadaan ini menyukarkan proses pengangkutan bekalan makanan dari kawasan pendalam ke kawasan bandar.

Bagi mendapatkan bekalan elektrik, pihak pentadbiran Jepun terpaksa menyambungkan bekalan elektrik dari Singapura ke bandar Johor Bahru. Sebelum perang kapasiti penggunaan elektrik di Johor Bahru berjumlah 1,490 KW, bagaimanapun semasa pentadbiran Jepun kapasiti

tersebut hanya sebanyak 750 KW sahaja dapat dibekalkan.<sup>51</sup>

Bagi pembangunan bekalan air dan elektrik, seperti dalam pendapatan, pada perbelanjaan ini juga Pentadbiran *Gunseikanbu* membuka akaunnya secara berasingan. Daripada Jadual 6.9, didapati perbelanjaan untuk bekalan air telah meningkat dari \$412,840 pada tahun 1942 kepada \$515,094 pada tahun 1943. Sementara itu bagi bekalan elektrik pula perbelanjaannya hampir sama banyak sekitar 630,000.

#### 6.6.4 Perkhidmatan Sosial

Mengikut laporan daripada *Gunseikanbu*, negeri Johor adalah antara negeri-negeri di Tanah Melayu yang mengalami masalah keselamatan yang serius.<sup>52</sup> Oleh kerana itu, demi keamanan di Johor, 警務部長 [*Keimu Bucho*] (Pegawai Jabatan Keselamatan) telah memberi kuasa kepada pihak polis untuk menjalankan tugas-tugas siasatan dan rondaan. Enam orang pegawai keselamatan dari Jepun telah didatangkan untuk mengawal daerah-daerah di negeri Johor.

Selain daripada tindakan ketenteraan yang keras, Pentadbiran Jepun juga telah memberi perkhidmatan yang lain. Umpamanya, 日本物資配給組合, [*Nihon Busshi Haikyu Kumiai*] (Persatuan Bekalan Barang) telah memperuntukan sejumlah \$3,000 kepada penduduk miskin dan anak-anak yatim. Peruntukan ini dikendalikan oleh Kadi dan Ahli

**Jadual 6.9. Perbelanjaan bagi Perkhidmatan Bekalan Air dan Elektrik, 1hb.April 1942 - 31hb. Mac 1943, (Gunpyo)**

Kategori	1/April/1942 - 31/Mac/1943		1/April/1943 -31/Mac/1944		1/April / 1942- 31/Mac / 1944
	\$	%	\$	%	
Perbelanjaan untuk Bekalan Air	412,840	39.31%	515,094	45.15%	42.23%
Perbelanjaan untuk Bekalan Elektrik	637,273	60.69%	625,753	54.85%	57.77%
Jumlah	1,050,113	100.00%	1,140,847	100.00%	100.00%

Sumber: Disusun daripada **State of Johore, Revenue and Expenditure for 18, Showa, (1 April 1943 - 31 Mac 1944), Johore Bahru, Gunseikanbu, 1944.**

Jawatan Kuasa Kampung.<sup>53</sup> Pihak tentera Jepun juga telah melaksanakan *Charity Fun Fair* seperti persembahan drama. Hasil kutipan diperuntukan kepada golongan miskin.<sup>54</sup>

Semasa penjajahan Jepun, semua sekolah aliran Melayu telah ditutup dan kebanyakan bangunan sekolah ini telah dijadikan berek bagi penempatan tentera Jepun. Sekolah *Vernacular* di peringkat sekolah rendah, kecuali sekolah berpengantar Bahasa Inggeris terus dibuka. Guru-guru telah diarahkan untuk mengajar Bahasa Jepun. Selain daripada itu, pendidikan Bahasa Jepun juga diperkenalkan di sekolah dewasa. Pelajar-pelajar Melayu yang berpotensi dihantar ke Jepun untuk mendapatkan pendidikan yang lebih tinggi, dan golongan ini kemudiannya akan diserap ke dalam sistem pentadbiran di Johor.<sup>55</sup>

#### **6.6.5 .      Pembelian makanan dan minyak**

Di zaman Pentadbiran Kolonial tanaman perdagangan seperti getah, kelapa sawit, nenas, kelapa dan pinang adalah menjadi perhatian utama, sementara tanaman makanan seperti padi tidak begitu diberatkan. Pihak Pentadbiran Kolonial boleh mengatasi masalah kekurangan bekalan padi dengan cara mengimport daripada pasaran terbuka. Bagaimanapun pada masa ini keadaan pasaran terbuka yang beku, Pentadbiran *Gunseikanbu* terpaksa mementingkan tanaman makanan dan melupakan

buat sementara waktu akan kepentingan tanaman perdagangan di atas, walaupun hajat sebenar adalah ke arah tanaman tersebut.

Bagi memperkuatkan pengeluaran makanan di Johor, pihak *Gunseikanbu* telah memperkenalkan skim bagi meningkatkan pengeluaran padi.<sup>56</sup> Terdapat beberapa kawasan yang sesuai untuk tanaman padi seperti Daerah Batu Pahat, Kluang ,Endau dan Kota Tinggi.<sup>57</sup>

Bagi menggalakkan penanaman padi, pihak *Gunseikanbu* telah bertindak memberi bantuan kewangan dan beberapa galakkan lain kepada golongan pemodal. *Gunseikanbu* telah memberikan tiga ekar tanah kepada setiap pemodal yang berminat mengusahakan tanah tersebut dengan tanaman padi. Sementara itu tanah yang baru dibuka akan dikecualikan daripada cukai tanah selama tiga tahun. Di samping itu, *Gunseikanbu* juga akan menyediakan bantuan alat-alat penanaman. Kos yang diperlukan untuk membuka tanah akan dibayar semula oleh pihak *Gunseikanbu*. *Gunseikanbu* akan memberikan elaun sara hidup sebanyak 10 dollar sebulan (elaun untuk tiga bulan pertama dibayar terlebih dahulu). Yang lebih menarik, pinjaman yang diberikan oleh pihak *Gunseikanbu* hanya perlu dibayar semula selepas hasil dituai.

Selain daripada tindakan di atas, Pentadbiran *Gunseikanbu* telah membuat promosi dengan membuka tanah baru di Padang Endau dan

Sungai Ring. Pentadbiran *Gunseikanbu* juga telah memberikan tender untuk membersihkan kawasan hutan simpanan bagi membuka kawasan penanaman padi.<sup>58</sup> Walaupun *Gunseikanbu* telah melakukan beberapa usaha, namun begitu uasaha tersebut tidak mendapat sambutan daripada penduduk negeri Johor. Kawasan penanaman padi di Batu Pahat seluas 2,150 ekar tanah, masih belum diusahakan walaupun telah diberikan lesen untuk penanaman padi. Sehingga Januari 1943, jumlah kluasan tanaman padi dan tanaman makanan yang lain adalah seperti berikut. Johor Bahru (6,689 ekar), Muar (1,405, ekar), Batu Pahat (1,563 ekar) Segamat (7,642 ekar), Kluang (7,710 ekar ), Kota Tinggi (814 ekar), Pontian (884 ekar) dan Mersing (507 ekar).<sup>59</sup> Bagi meningkatkan hasil produktiviti padi, benih baru dari Taiwan telah diperkenalkan.

Selain daripada terlibat dalam penggalakkan tanaman makanan khususnya padi, pihak *Gunseikanbu* terus menguasai pembahagian hasil makanan di negeri itu. Seperti yang telah dibincangkan di atas sebanyak 50.56% daripada jumlah perbelanjaan negeri telah diperuntukan bagi tujuan pemberian makanan dan minyak. Melalui aktiviti pembahagian makanan dalam negeri, pihak *Gunseikanbu* telah memperolehi keuntungan. Pada tahun 1942 Pentadbiran *Gunseikanbu* telah memperolehi keuntungan berjumlah \$884,726 dan seterusnya meningkat

kepada \$ 249,450 pada tahun 1943.

## 6.7. Pengurusan Kewangan *Gunseikanbu*

Seperti yang telah dibincangkan sebelum ini, jumlah pendapatan negeri dan perbelanjaan negeri di Johor adalah seimbang. Ini disebabkan negeri Johor tidak dibenarkan membuat sebarang bentuk lebihan atau defisit kewangan dalam akaun negeri. Bagi membentuk sistem ini “*Headquarters of Japanese Military Administration*” telah menyediakan pinjaman kewangan bertujuan untuk menampung perbezaan di antara jumlah pendapatan negeri dan jumlah perbelanjaan negeri. Selain daripada kaedah ini, bagi mendapatkan sumber pendapatan, pihak Pentadbiran Jepun telah melaksanakan beberapa kaedah seperti yang akan dijelaskan di bawah. Pada masa ini, perkara yang paling serius dihadapi oleh pihak tentera Jepun ialah jumlah nilai simpanan tunai yang telah merosot. Masalah ini telah menyebabkan projek-projek berskala besar tidak dapat dilaksanakan. Dalam erti kata lain, pihak tentera Jepun terpaksa melaksanakan polisi kewangan berdasarkan pendapatan negeri yang dapat dikumpul sahaja. Bagi mengatasi masalah berkenaan, pihak tentera Jepun telah cuba menyelesaikannya dengan cara menujuhkan *People's Bank* dan *Southern Regions Development Bank*.<sup>60</sup>

Bagi menggalakkan penduduk tempatan menabung, pihak

tentera Jepun telah melaksanakan slogan "*No Saving in Bank, No Happiness at Home.*"<sup>61</sup> Pihak 橫濱正則銀行 (*Yokohama Species Bank*) juga telah mengeluarkan kenyataan bahawa simpanan merupakan faktor yang amat penting bagi mengawal harga dan mengatasi masalah inflasi. Bagi meningkatkan nilai tabung, harta milik Sultan telah diserahkan kepada *Yokohama Species Bank*, Johor Bahru untuk disewakan dan wang yang diperolehi disalurkan ke dalam *Private Secretary Account*.<sup>62</sup>

Di samping itu, *Gunseikanbu* menggalakkan rakyat Johor membuat simpanan dalam negeri bagi memperolehi kewangan (pendapatan) tambahan melalui sistem *Tonari Gumi*.<sup>63</sup> Jumlah penyimpan dan peratus simpanan adalah seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 6.10.

Walau bagaimanapun, kadar simpanan tidak begitu besar kerana penduduk sendiri tidak mempercayai bahawa pengamalan polisi ini akan memberikan faedah kepada mereka. Dalam erti kata lain, penduduk sendiri menyedari bahawa promosi tersebut bertujuan untuk meningkatkan pengumpulan kewangan negeri sahaja dan bukan untuk faedah mereka. Pihak berkuasa Jepun mengarahkan kakitangan pentadbiran supaya memberi sokongan kepada Bank yang ditubuhkan dengan cara memberi sumbangan peribadi serta membuat pelaburan di bank-bank tersebut.<sup>64</sup>

**Jadual 6.10. Jumlah Bilangan Depositors dan Komposisi pada 1944,  
(Gunpyo)**

Daerah	Bilangan Keluarga	Bilangan Penyimpan	%	Bilangan Penduduk	%
Johore Bahru	24,569	11,008	45	108,768	10
Pontian	10,674	927	9	55,332	2
Batu Pahat	37,239	3,208	9	179,253	2
Muar	24,400	4,329	17	122,922	3
Tangkak	13,194	1,792	14	61,597	3
Segamat	14,281	5,662	40	62,403	9
Kluang	16,222	3,637	22	55,410	7
Mersing	2,556	1,012	40	12,349	9
Kota Tinggi	8,764	1,447	17	36,705	4
Jumlah	151,899	32,923	22	694,739	5

Sumber: MBJ 40/1944, 20 Julai 1944.

## 6.8 Kesimpulan

Perang Dunia Kedua telah memperlihatkan buat pertama kali kuasa Asia iaitu Jepun menakluki negara-negara Asia, termasuk juga Negeri-Negeri Tanah Melayu. Kejayaan tentera Jepun menakluki rantau ini tidak bermakna ianya telah berjaya menakluki semua aspek kehidupan penduduk rantau ini. Ini disebabkan jalan perdagangan yang amat penting, khususnya jalan laut yang menghubungkan negara-negara rantau ini dengan dunia luar sentiasa berada dalam keadaan tidak selamat kerana diganggu-gugat oleh musuh Jepun, iaitu tentera bersekutu Amerika Syarikat. Ketidakselamatan jalan perdagangan ini mengakibatkan ekonomi tempatan dan rantau ini menjadi lumpuh.

Ekoran daripada kelumpuhan sistem perdagangan menyebabkan ekonomi negeri Johor tidak dapat berkembang seperti keadaan sebelum perang. Perkara yang paling membimbangkan ialah semua kegiatan tanaman komoditi eksport yang amat penting sebelum ini tidak bermakna lagi pada masa ini. Dalam keadaan politik yang tidak stabil dan lumpuhnya perdagangan luar, menyebabkan penduduk tempatan mengalihkan kegiatan ekonomi mereka daripada tanaman eksport kepada tanaman makanan. Walaupun tanaman makanan diusahakan, namun begitu

ianya bukanlah untuk tujuan perdagangan tetapi adalah untuk memenuhi keperluan sara diri atau dengan kata lain sebagai langkah untuk meneruskan kehidupan pahit selepas perang. Tindakan ini perlu dilakukan kerana tidak ada kemudahan yang boleh menyalorkan barang-barang import dari luar.

Oleh kerana bahan makanan menjadi persoalan penting dalam kehidupan harian penduduk tempatan, maka Pentadbiran *Gunseikanbu* telah menjadikannya sebagai item penting bagi pengawalan penduduk. Pentadbiran *Gunseikanbu* pada masa ini berperanan sebagai pengumpul dan pengedar bahan-bahan makanan. Dengan berbuat demikian pentadbiran Jepun berjaya mengumpulkan sejumlah wang bagi pendapatan negeri. Daripada data yang telah diutarakan sebelum ini, adalah jelas bahawa sebanyak lebih kurang 50% daripada sumber pendapatan negeri datangnya dari penjualan bahan makanan dan minyak.

Ekoran daripada kelimpuhan ekonomi, pendapatan negeri tidak lagi boleh bergantung kepada sumber pendapatan daripada kastam. Pentadbiran *Gunseikanbu* terpaksa memikir, merancang dan melaksanakan cara untuk mendapatkan sumber pendapatan yang tersendiri. Dalam hal ini, Pentadbiran *Gunseikanbu* telah membuka pusat-pusat hiburan dan kemudiannya mendapatkan hasil melalui cukai yang dikenali sebagai “*Entertainment Tax*”.

Dalam tempoh masa ini, kewangan negeri tidak lagi ditadbir sepenuhnya oleh pentadbir-pentadbir di peringkat negeri tetapi telah melibatkan kuasa penentu oleh *Headquarters of Japanese Military Administration* (Singapura). Pihak Pentadbiran *Gunseikanbu* tidak lagi mengiktiraf kuasa autonomi pengurusan kewangan di peringkat negeri Johor. Segala urusan kewangan di peringkat negeri hanya dapat dilaksanakan, setelah permohonan diluluskan oleh *Headquarters of Japanese Military Administration*.

Dalam pentadbiran kewangan yang baru ini, negeri Johor tidak dibenar menguruskan kewangan dalam keadaan defisit. Sekiranya berlaku defisit, *Headquarter of Japanese Military Administration* akan meminjamkan sejumlah wang yang dapat menampung defisit kewangan negeri itu.

Sebelum pentadbiran tentera Jepun, Pentadbiran Kolonial British di Johor telah mengamalkan satu sistem kewangan yang membolehkan penghantaran sebanyak mungkin lebihan kewangan ke luar negeri melalui *Crown Agents*. Dengan berlakunya demikian, maka apabila pihak tentera Jepun menakluki negeri Johor, didapati akaun negeri berada dalam keadaan tiada langsung simpanan wang tunai, simpanan tetap dan portfolio pelaburan kewangan. Di sini adalah jelas sistem pentadbiran

kewangan British memang sejak dari awal ingin mengaut keuntungan negeri ini.

Pihak tentera Jepun terpaksa mentadbir negeri ini dengan tidak ada sumber kewangan yang terkumpul. Bagi memperolehi pendapat segera pihak Pentadbiran *Gunseikanbu* cuba mendapatkan sumber kewangan melalui bank tempatan. Penduduk tempatan digalakkan menabong wang mereka di bank-bank, dengan itu membolehkan pihak Pentadbiran *Gunseikanbu* menggunakan wang tersebut. Usaha mendapatkan wang melalui cara ini tidak berjaya sepenuhnya kerana tidak mendapat sambutan menyeluruh daripada penduduk negeri ini.

Penjajahan Jepun ke atas Tanah Melayu tamat pada 15hb Ogos 1945 apabila tentera Jepun terpaksa menyerah kalah. Kekalahan tentera Jepun mengizinkan kembali penjajahan British di negeri ini. Pengajaran atau konsep penting yang telah diasaskan oleh Pentadbiran *Gunseikanbu* yang kemudiannya diteruskan oleh Pentadbiran Kolonial British ialah melalui konsep *New State*, tidak mengiktiraf kuasa autonomi pentadbiran kewangan negeri tetapi mentadbir kewangan melalui pentadbiran pusat.

## NOTA KAKI

1. Wan Hashim Wan Teh, **Perang Dunia Kedua, Peranan Askar Melayu**, Kuala Lumpur, Dewan Bahasa dan Pustaka Kementerian Pendidikan Malaysia, 1993, hal: 18-19.
2. Takushiro-Hattori, **Dai-to-a Senso Zenshi, ( Sejarah Perang Pasifik)**, Tokyo,Masu-shobo,1956, Vol.2, hal:128. Semasa Jepun melanggar Tanah Melayu dan Singapura, kekuatan tentera yang mempertahankan Tanah Melayu dan Singapura di bawah Jeneral Percival berjumlah 88,000 orang yang sebahagian besar terdiri daripada bangsa Asia. Pecahan anggota tenteranya adalah seperti berikut: 19,000 bangsa British, 15,000 bangsa Australia, 37,000 bangsa India dan 1,700 bangsa Melayu.
- 3.**Ibid.**, Vol.2, hal:142. Jeneral Yamashita telah mempunyai rancangannya yang konkrit untuk menumbangkan kubu pertahanan British di Johor. Pertama, beliau akan mengumpulkan kekuatan Divisyen Imperial Guards di Melaka untuk bergerak ke Selatan menerusi pantai barat. Keduanya, Divisyen ke-5 pimpinan Matsui akan mengasak ke selatan menerusi jalan besar utara-selatan. Ketiganya Tentera Rejimen Ke-55 akan diarahkan menuju ke selatan menerusi Endau dan Mersing di pantai timur. Akhirnya, baki Divisyen Ke-18 akan diminta mendarat di Singora dan dibawa dengan kenderaan secepat mungkin untuk memberi bantuan kepada tentera yang ada.
- 4.**Ibid.**,Vol.2, hal:22-23.
5. BMA ADM/323: British Broadcasting Corporation, Far Eastern Service Intelligence Memorandum NO.F.E.6, **The Economics of The Co-prosperity Sphere**, 4 Okt. 1943, hal:1.
6. ARJ 1946, hal:34.
7. BMA ADM/323: British Broadcasting Corporation, Far Eastern Service Intelligence Memorandum NO.F.E.6, **The Economics of The Co-prosperity Sphere**, 4 Okt. 1943, hal:2.
8. Kobayashi Hideo, **Nihon-Gunseikano-Ajia, (Asia di Bawah Pentadbiran Tentera Jepun)**, Tokyo, Iwanami-Shinsho, 1994, hal:36. Walau bagaimanapun, menurut pihak tentera Jepun, mereka menjalankan aktiviti perdagangan antara Negara Asia Timur selama 1943. Malaya membentuk persetujuan perdagangan dengan Cina dan Siam (Eksport petrol

dan getah kepada kedua-dua negera dan import pakaian dan ubat daripada Cina dan padi daripada Siam). Walau bagaimanapun, tidak ada sebarang data yang bukti.

9. MBJ 91/1942: State Veterinary Surgeon, Johor kpd. Deputy MBJ, 5 Mei 2602, Lampiran 1.

10. MBJ 17/2603: Sangyobucho kpd. Gunseikanbu, tidak ada tarikh.

11. FCJ 541/1942: Controller of Materials kpd. FCJ, 9 Dis. 2602(1942), Lampiran 1.

12. CLMJ 331/2602: CLMJ kpd. MBJ, 14 Nov. 1942.

13. Ibid.

14. Ibid.

15. Ibid.

16. BMA 506/10: Intelligence Report of Malaya, Prior to Japanese Occupation Political Welfare For Malaya, (Proposed) Plan, Julai 1944, hal:2.

17. CLMJ 331/2602: CLMJ kpd. MBJ, 14 Nov. 1942.

18. CLMJ 31/2604: List of Estates Under The Management of Japanese Rubber Companies, Tidak ada tarikh, Lampiran 1.

19. CLMJ 116/2602: State Agricultural Officer, Johore kpd. The Agricultural Officer, Johore Central and Johore North, 6 Jun 2602 (1942).

20. BMA ADM/323: British Broadcasting corporation, Far Eastern Service, Intelligence Memorandum No.F.E.6., The Economics of the Co-prosperity Spheres, 4 Okt. 1943, hal:3-4.

21. Somuka 87/2603: Somubucho kpd. Pegawai Daerah, Tidak ada tarikh.

22. Ibid.

23. CLMJ 350/1942 : Sugiyama Shuzaburo, Director, ISK kpd. Itami Masakichi, Johor-shu Chokan, 21 Nov. 1942.

24. BMA 506/29: Intelligence Economic Intelligence Bulletins No.39, (Confidential), 16 Mac 1945, hal:1.

25. Ibid., hal:2.
26. Japanese Administration in Malaya, A Study of the Japanese Miitary Administration of Malaya including the Organization, Policies and Controls of the Administration, Office of Strategic Services, Research and Analysis Branch, R & A No. 2072, Restricted Copy No. 205, 8 Jun 1944, hal: 4. Keluasan tanah Sumatra adalah 182,859 batu dan berpenduduk sebanyak 8,500,000 (Banci 1930). Sumatra mempunyai sumber alam yang mustahak iaitu petrol. Pada 1942, 40 - 50% daripada jumlah kuantiti import petrol diperolehi daripada Sumatra. Selain daripada itu, jumlah pengeluaran getah di Sumatra juga amat besar serta Malaya.
27. Ibid., hal:9.
28. Ibid., hal:5.
29. Ibid., hal:16. Pihak tentera Jepun mengambil tindakan yang berlainan daripada Negara-Negara lain yang menjajah. Dalam erti kata lain, British Malaya dianggap sebagai koloni Jepun. Sebagai satu bukti, Kementerian Asia Timur (Greater East Asia Ministry) yang ditubuh pada Nov 1942 tidak melantik wakil daripada British Malaya.
30. BMA 506/10: Intelligence Report of Malaya, Prior to Japanese Occupation Malay Part II, hal:14.
31. Ibid.
32. MBJ 194: 5 Ogos 1942.
33. FCJ 556/1942: General Administrator, Johore Bahru kpd. FCJ, 16 Dis 1942, Lampiran 1. dan MBJ 215/2602: Gabenor Johor, 20 Dis. 1942.
34. FCJ 10/1945: Constitution of the Johor Shu Gentjin Shokuin Kyosai Kumiai, 19 Mei 1945.
35. FCJ 109/2602: Zaimubicho (FCJ), 19 Mei 1942.
36. MBJ 192/2602: "Aisatu oleh Zaimubicho" (Ucapan oleh Pesuruhjaya Kewangan Johor), Tidak ada tarikh, Lampiran 9.
37. Ibid., Lampiran 9A, hal:2.
38. Ibid.

39. MBJ 192/2602 : Tidak ada tarikh, Lampiran 9A.
40. FCJ 109/1942: FCJ, 19 Mei 1942.
41. MBJ 192/2602 : Tidak ada tarikh, Lampiran 9A.
42. CLMJ 201/1945: Japanese Administration in Malaya, Land, Mines and Survey Problems, 15 Dis. 1945.
43. CLMJ 201/1945: Ketua Daerah kpd. CLMJ, 15 Dis. 1945.
44. CLMJ 32/2604: Immovable Property Acquisition Tax Ordinance, Tidak ada tarikh.
45. CLMJ 102/2602: Chew Tai Long, Ang Seow Siam, Wakil Oversea-Chinese Pontian kpd. CLMJ, 3 Jun 2602.
46. BMA ADM/81: A Brief Review of Chinese Affairs During the Period of Japanese Occupation, hal:3
47. MBJ 222/2602: Resident Town board Office, Johore Bahru kpd. Ungku Aziz bin A.Majid, Consultative Council, Johore Bahru, 26 Okt. 2602 (1942), Lampiran 13.
48. MBJ 53/1942: Progress Report for the Month Ending 20th April 2602 (1942), District Officer, Mersing, 2 Mei 2602 (1942).
49. BMA ADM/81: A Brief Review of Chinese Affairs During the Period of Japanese Occupation, hal:2.
50. MBJ 192/2602: Tidak ada tarikh, Lampiran 9A.
51. BMA COM/58/5: Johore Bahru Electrical Supply Preliminary Report, hal:1.
52. MBJ 215/2602, Tidak ada tarikh.
53. MBJ 62/2603: H.Abdullah B.A.Rahman, Jabatan Ugama kpd. Ungku A Aziz, 8 Sept 2603 (1943).
54. FCJ 491/2602: K.T.John, Secretary Indian Independence League, Johore Branch kpd. State Treasurer, Johore, 27 Dis. 2602.
55. Ibid., hal:28.

- 56.CLMJ 126/1942: Foodcrops in Johore, Government Assistance to Cultivators, CLMJ, 31 Julai 1942, Lampiran 10C.
- 57.CLMJ 126/1942: Collector of Land Revenue, Batu Pahat kpd. CLMJ, 31 Julai 1942, Lampiran 11.
58. CLMJ 16/2602: Pemungut Cukai Tanah Batu Pahat kpd. CLMJ, 31 Julai 2602 (1942).
- 59.CLMJ 33/1943: 6 Februari 1943.
- 60.Kobayashi, Op.Cit., hal:137. Bagi mengurangkan kadar inflasi yang tinggi, pihak tentera Jepun telah mengamalkan dua bentuk polisi. Pertama, pihak tentera Jepun memberi tumpuan kepada peningkatan simpanan wang tunai. Pihak tentera Jepun menggalakkan simpanan wang ke Bank. Pihak tentera Jepun menawarkan kadar bunga yang tinggi bagi mengumpulkan wang. Selain daripada itu, loteri pula memainkan peranan penting bagi mengumpulkan wang tunai. Kedua, pihak tentera Jepun telah campurtangan terhadap harga barang kegunaan harian. Bagi menjalankan tugas ini, pihak tentera Jepun telah memberi barang dan mengagihkan dengan harga yang murah. Tindakan polisi-polisi tersebut memainkan peranan penting. Walau bagaimanapun kesannya tidak begitu memuaskan kerana pengagihan matawang (Gunpyo) terlalu besar bagi mengawal inflasi.
61. MBJ 40/1944: P.P.Pengaah, Yokohama Species Bank Ltd., Johore Bahru kpd. MBJ, 15 Julai 1944.
62. MBJ 27/1943: Private Secretary to H.H.Sultan kpd. Ungku A.Aziz, Shingi Shisu, Johore Bahru, 5 Julai 1943.
- 63.MBJ 40/2604: The Items of Suggestion to be Brought before the District Officers Meeting, Tidak ada tarikh, Lampiran 1.
- 64.MBJ 17/2603 (1943): Sangyobucho, 17 Januari 1943, Gaji kakitangan pentadbiran harus menyimpan bagi Saving Bank mengikut saiz gaji dengan wajib(Sila lihat jadual bawah).

Gaji Bulanan	Peruntukan (Gungpye)
-55	1
56-80	2
81-100	3
101-150	4
151-175	5
176-200	6
201-225	7
226-250	8
251-300	10
301-400	15
400-	20